



اُيُتِمُّوْهُ سَيِّدِي تَكْنُوْلُوجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

BAJU KOLEJ SESI OKT 2024

Muhammad Zulhilmi Zulkifli, Nurul Aisyah Mat Yusoff, Naz Asyraf Mohammad Nazarul & Muhammad Luqman Al-Hakim Mohd Yusri



Exco keusahawanan & ekonomi dengan sukacitanya ingin memperkenalkan baju kolej untuk sesi Okt2024 yang telah dibuka untuk pra-pesanan. Baju ini direka khas untuk semua warga kolej, dengan ciri-ciri yang elegan dan kemasan yang berkualiti tinggi. Terdapat dua pilihan baju iaiti Monochrome (Hitam dan Putih) dan Eclipse (Biru dan Putih). Kedua-dua baju ini diberikan dua variasi iaitu, berkolar retro dan baju berleher bulat.

Rekaan depan, Kedua-dua jenis baju menampilkan logo UiTM di bahagian dada sebelah kiri, dengan tulips "Somban". Warna Hitam dan Putih memberikan kesan yang menarik terhadap baju diikuti dengan bayang kelabu yang turut

menaikkan tulisan 'Somban' itu. Bagi Warna Putih dan Biru berbelang pulak, ia melambangkan ketenangan yang dalam masa yang sama memberikan kesan yang menonjol dengan warna biru yang menyerlah. Baju kolej ini didatangkan dengan dua variasi harga iaitu baju berkolar retro berharga RM35.00. Manakala, baju berleher bulat ditawarkan pada harga RM38.00. Baju ini lebih santai dan sesuai untuk mereka yang mencari keselesaan maksimum.





Pada 1 Oktober 2024 telah berlangsung aktiviti penjualan baju rasmi Kolej Sesi2024 secara atas talian melalui group Whatsapp setiap aras. Aktiviti ini adalah salah satu inisiatif kolej untuk memupuk semangat kebersamaan dan identiti dalam kalangan pelajar. Objektif utama penjualan baju ini adalah untuk menyediakan pakaian rasmi kepada pelajar yang akan memulakan sesi akademik baharu. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperkenalkan identiti kolej dan memudahkan pelajar mendapatkan pakaian berkualiti yang

sesuai dipakai dalam acara rasmi dan aktiviti kolej yang dilakukan oleh JPK. Penjualan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelajar. Bagi memastikan kelancaran proses, pelajar juga diberi pilihan untuk membuat pesanan secara dalam talian menggunakan kod QR yang disediakan. Ini memudahkan pelajar yang mungkin tidak sempat membuat pembelian semasa pendaftaran.

Pada 7 Disember 2024, pengagihan baju rasmi Kolej Sesi Okt2024 telah dijalankan di Bilik Gerakan JPK. Aktiviti ini adalah sebahagian daripada persediaan akhir bagi memastikan semua pelajar yang telah membuat pesanan menerima baju mereka tepat pada waktunya. Pengagihan dilakukan oleh ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dengan kerjasama beberapa sekretariat JPK.



Proses pengagihan dijalankan dengan teratur, di mana pelajar diminta untuk hadir mengikut giliran yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kesesakan.



Secara keseluruhannya, sesi penjualan baju rasmi kolej untuk sesi Okt 2024 berjalan dengan lancar dan teratur. Semua pihak yang terlibat telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memastikan setiap pesanan diuruskan dengan baik. Ini menunjukkan kepedulian dalam mempersiapkan diri untuk sesi akademik yang akan datang.